

07/03/1997

Tinggi Gunung Kinabalu diukur semula

KOTA KINABALU, Khamis - Satu pasukan penyelidik Institut Pengukuran Malaysia (ISM) Cawangan Sabah akan mengukur semula ketinggian Gunung Kinabalu menggunakan peralatan terkini pada 23 hingga 27 Jun ini.

Bantuan peralatan dan teknikal yang akan digunakan oleh pasukan ekspedisi itu akan diterima daripada Jabatan Tanah dan Ukur Negeri, Taman Sabah serta Kem Bina Semangat Negeri.

Difahamkan, usaha itu dilakukan kerana ketinggian 4,101 meter gunung itu dilakukan ketika teknologi pengukuran masih terhad, kaedahnya pula lebih banyak bergantung kepada pemerhatian melalui mata.

Pengukuran ketinggian sesuatu rupa bumi melalui kaedah teknologi satelit yang sering digunakan sekarang dipercayai lebih tepat, berbanding kaedah sebelum ini.

Sehubungan itu, sekarang adalah masa yang paling sesuai untuk melakukan usaha mengukur semula ketinggian gunung yang tertinggi di Asia Tenggara itu.

Menurut jurucakap institut itu, dipercayai ketinggian gunung itu meningkat pada kadar lima milimeter setiap tahun.

Oleh itu, ketinggian yang ada sekarang walaupun tepat ketika kerja mengukurnya dijalankan, ada kemungkinan ia kini sudah berubah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka akan diberi penghormatan mengumumkan ketinggian itu dalam satu majlis yang diadakan antara Julai atau Ogos depan.

(END)